

PENGGUNAAN KIT HURUF *HĪJĀ'ĪYYAH*, KAWAN ATAU LAWAN? DALAM MEMBANTU MURID MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS HURUF *HĪJĀ'ĪYYAH* BERSAMBUNG DAN TIDAK BERSAMBUNG

DAYANG NUR SALMA DHARMILA BINTI AWANG SALLEH

dayangmilaawangsalles@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid dalam membezakan huruf *hijā'īyyah* bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan kaedah akrostik serta meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'īyyah* bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan bahan bantu Kit Huruf *Hijā'īyyah*; Kawan atau Lawan? Elemen warna dan akrostik dilihat berupaya merangsang kemahiran berfikir dan ingatan murid dalam membezakan huruf *hijā'īyyah* bersambung dan tidak bersambung. Peserta kajian dari SK Kayangan (nama samaran) seramai tiga orang telah diberi latihan dalam menyambung huruf-huruf tunggal dan membentuk ia menjadi suku kata yang bersambung seterusnya sebuah perkataan. Perkataan yang disediakan merangkumi huruf *hijā'īyyah* yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan hasil tinjauan kajian-kajian lepas di samping teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner mengenai kecerdasan visual-ruang dalam membezakan warna bentuk dan garisan serta teori konstruktivisme Vygotsky. Pelbagai instrumen seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen seperti ujian sebelum dan selepas tindakan telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Hasil dapatan dianalisis dalam bentuk jadual dan kemudiannya disemak menggunakan triangulasi data. Dapatan kajian menunjukkan jumlah peningkatan markah ujian selepas tindakan peserta kajian sebanyak 80% ke 100%. Ini terbukti bahawa penggunaan Kit Huruf *Hijā'īyyah* ini berupaya membantu peserta kajian dalam menguasai pembelajaran huruf *hijā'īyyah* pada tahap yang memuaskan, di samping membantu saya sebagai penyelidik dan pendidik dalam meningkatkan amalan sendiri saya.

Kata kunci: Huruf *hijā'īyyah* bersambung dan tidak bersambung, teori warna, akrostik, teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner, teori konstruktivisme Vygotsky

PENGENALAN

Saya merupakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pengajian Agamaambilan Jun 2014 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL). Sepanjang tempoh pengajian saya di IPGKBL, saya telah menjalani dua fasa praktikum di sekolah yang berlainan, iaitu SK Raja (nama samaran) dan SK Kayangan (nama samaran) selama tiga bulan untuk setiap fasa. SK Kayangan merupakan sebuah sekolah yang terletak di kawasan Petra Jaya, Kuching. Dalam tempoh 12 minggu berpraktikum, saya telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam bagi Tahun 4K (nama samaran) seramai 15 orang murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga. Saya mengajar mereka sebanyak 4 masa bersamaan 120 minit seminggu. Pada kebiasaannya, saya akan melakukan sebuah Ujian Imbas Jawi untuk mengesan tahap penguasaan Jawi dalam kalangan murid. Hasil daripada ujian tersebut, didapati isu penyambungan huruf *hijā'īyyah* timbul dalam kalangan tiga orang murid. Sebelum memulakan kajian, saya telah menjalankan temu bual bersama guru pembimbing untuk bertanyakan tentang masalah yang dihadapi murid dalam pelajaran Pendidikan Islam dan guru pembimbing juga telah menyatakan perkara yang bersependapat dengan pandangan saya. Oleh itu, saya telah membuat keputusan untuk membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran asas menulis huruf *hijā'īyyah* bersambung dan tidak bersambung.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini difokuskan untuk meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dalam kalangan beberapa orang murid Tahun 4K dengan menggunakan bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan?. Bahan ini memudahkan murid dalam membezakan huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung serta mengaplikasikannya dalam kaedah menulis dengan betul. Pemilihan fokus ini dilaksanakan berdasarkan hasil tinjauan awal yang telah diperolehi melalui hasil Ujian Imbas Jawi yang dilaksanakan, perbincangan dengan guru pembimbing iaitu guru mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 4K dan juga berdasarkan refleksi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) sebelum ini serta pemerhatian yang dilakukan ke atas murid di dalam kelas semasa sesi PdPc dijalankan. Daripada tinjauan tersebut, beberapa orang murid menghadapi masalah dalam membezakan huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung serta kemahiran menulis huruf tersebut.

Selain itu, seperti yang diketahui, tulisan Jawi ini merupakan lambang dan identiti orang Melayu yang dapat membezakan kita dan bangsa lain. Berdasarkan pengalaman, rata-rata sekolah rendah kini menjalankan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) bagi membantu murid dalam meningkatkan asas Jawi dalam diri mereka. Hal ini menyebabkan bidang Jawi ini penting agar murid dapat menguasai warisan tulisan Jawi, bukan setakat dalam kemahiran membaca, malah dalam kemahiran mengeja dan menulis juga. Oleh itu, murid-murid haruslah dibiasakan dengan penggunaan tulisan Jawi secara meluas yang dimulakan dengan pengajaran terhadap pengenalan asas tulisan Jawi. Hal ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Che Siah (2006), untuk menulis Jawi dengan baik, murid-murid harus mengenali sifat huruf Jawi serta penyambungan huruf melalui latihan secara bertulis.

Lantaran pada itu, tulisan Jawi ini juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Menurut kajian Herman (2014), beliau menyatakan sejarah pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa Pendidikan Islam diajar melalui pelbagai cara dengan menggunakan buku teks atau teks bacaan yang ditulis dalam tulisan Jawi. Oleh itu, tulisan Jawi digunakan sebagai medium asas untuk PdPc dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia pada hari ini. Dengan kata lain, murid haruslah diberi penekanan dalam kemahiran menulis Jawi.

Terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Jawi dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam (Nik Rosila, 2007). Ini berikutan kerana penggunaan buku teks Pendidikan Islam di sekolah dalam tulisan Jawi. Dalam petikan Awang Mohamad Amin (1989), penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis dan membaca Jawi adalah lemah. Golongan pendidik haruslah meningkatkan lagi usaha dalam meningkatkan kemahiran tulisan Jawi dalam kalangan murid.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian:

1. Membantu murid dalam membezakan huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan?
2. Membantu murid dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan?

Persoalan Kajian:

1. Adakah murid dapat membezakan huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan?
2. Sejauh manakah bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan? dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dalam kalangan murid?

PESERTA KAJIAN

Terdapat beberapa orang murid telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian tindakan saya iaitu seramai tiga orang. Pemilihan sampel kajian ataupun peserta kajian ini dipilih dengan berdasarkan Ujian Imbas Jawi yang telah dijalankan ke atas kesemua murid kelas tersebut. Mereka memperolehi markah terendah dalam kalangan murid di kelas tersebut. Masalah ini dikenal pasti melalui data awal yang telah saya kumpul. Dari sudut pencapaian akademik, saya mendapati bahawa mereka juga merupakan murid-murid yang kurang aktif dan pasif dalam sesi PdPc. Peserta kajian saya melibatkan 2 orang murid lelaki iaitu Zafri dan Haikal (nama samaran) dan seorang murid perempuan yang dikenali sebagai Elina (nama samaran).

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Mengenal Pasti Masalah / Fokus Yang Diminati (10 Julai 2017)

Fasa ini berlaku semasa tinjauan awal dilakukan ke atas sebuah kelas murid Tahun 4. Tinjauan awal dilaksanakan melalui pemerhatian semasa sesi PdPc bidang Jawi di dalam kelas.

Mengumpul Data (17 Julai 2017)

Saya melakukan Ujian Imbas Jawi untuk memastikan dan memilih murid untuk dijadikan peserta. Saya juga telah berhubung dengan guru pembimbing untuk mendapatkan data dan maklumat lebih lanjut berkaitan tahap pencapaian murid.

Menganalisis data / Membentuk Hipotesis (18 Julai 2017)

Saya menganalisis segala data dan maklumat yang saya perolehi terutamanya menyemak Ujian Imbas Jawi yang telah dilaksanakan dan data yang saya perolehi daripada hasil temu bual bersama guru pembimbing.

Merancang Pelan Tindakan (20 Julai 2017)

Fasa merancang pelan tindakan ini merupakan fasa pembinaan bahan bantu. Perancangan ini penting bagi memastikan segala tindakan yang dilakukan tersusun dan sistematik. Mok, S.S. (2012) mengatakan bahawa guru hendaklah merancang proses pengajaran secara sistematik dan teliti dengan menggunakan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai dalam membimbing, memotivasikan dan menggalakkan murid untuk memperoleh ilmu serta mengembangkan pengetahuan dan memberi kesedaran dalam diri murid terhadap tajuk yang dipelajari. Kenyataan ini juga bertepatan dengan pendapat Sharifah Nooraida (2015) yang mengatakan bahawa guru perlu menimbulkan minat pembelajaran murid, memberi bimbingan dengan cara

belajar yang berkesan, menjelaskan keraguan, membantu dalam penyelesaian masalah, membekalkan bahan pelajaran, meningkatkan kemahiran penguasaan kemahiran murid, membentuk sikap pengajaran yang betul, memupuk idealisme yang luhur dan nilai murni yang tinggi. Woodfolk (1998) mendefinisikan minat dan usaha merupakan aspek yang dikatakan telah mempengaruhi kejayaan pembelajaran seseorang. Halim dan Wan (2003) dalam kajiannya menyatakan tentang sikap dan minat pelajar terhadap pelajaran Bahasa Arab adalah penting dalam menentukan kejayaan mereka. Apabila minat timbul, kejayaan biasanya dicapai (Alfie Kohn, 2004). Kajian Noraini (2008) menyatakan terdapat hubungan antara sikap murid dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Antara faktor yang dikaitkan dengan pencapaian murid ialah minat, sikap, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran dan latar belakang keluarga (Rosdiana, 2014). Menurut Biggs dan Moore (1993), di samping daripada bahan dan alat bantuan, aktiviti dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam kelas turut menyumbang kepada pencapaian murid dalam pelajaran.

Di sini ternyata inovasi yang dilakukan haruslah diselit elemen yang boleh menarik minat murid untuk belajar. Elemen warna dalam pembinaan ini juga penting selaras dengan perkembangan kognitif dan fizikal kanak-kanak di bawah Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky. Menurut Mok, S.S. (2009), kanak-kanak yang berumur 9 hingga 11 tahun mempunyai strategi ingatan dan organisasinya menjadi lebih berkesan. Seiring dengan itu, penggunaan elemen warna ini dapat membantu murid dalam meningkatkan lagi ingatan mereka. Hal ini sekali gus dapat meningkatkan prestasi pencapaian murid dalam tajuk yang diajar. Oleh yang demikian, saya berusaha bersungguh-sungguh dalam menghasilkan bahan bantu yang berjaya menarik minat murid dari pelbagai aspek seperti aspek warna, sentuhan pada bahan dan analogi. (Rajah 1). Segala perancangan untuk pelaksanaan kajian telah dirancang dengan sebaiknya. Di samping pembinaan bahan, saya juga telah merancang segala persediaan seperti penyediaan latihan untuk Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan, lembaran kerja, senarai semak pemerhatian, soalan temu bual dan borang maklum balas untuk murid.

Melaksanakan Pelan Tindakan (14 Ogos 2017)

Pelan tindakan dilaksanakan pada fasa kelima iaitu ketika minggu ketujuh berpraktikum fasa kedua. Hasil daripada maklumat awal hasil tinjauan awal hasil tinjauan dan kolaborasi ke atas kajian tindakan ini, saya telah mengenal pasti tindakan yang perlu saya laksanakan bagi memastikan masalah yang difokuskan dapat diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Terlebih dahulu, saya mengkaji Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 1 kerana tajuk kajian saya berasaskan Tahun 1 walaupun peserta kajian saya merupakan murid Tahun 4. Dalam pada ini, saya seharusnya menyelit ilmu Tahun 1 ketika mengajar Tahun 4. Ini adalah kerana asas Jawi mereka belum kukuh seperti yang sepatutnya. Sebelum menggunakan bahan, saya telah menjalankan Ujian Sebelum Tindakan terlebih dahulu untuk mengesan masalah murid dengan lebih jelas. Ujian Sebelum Tindakan yang dilakukan berbentuk bertulis dan lisan. Ujian Sebelum Tindakan bertulis menekankan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung manakala Ujian Sebelum Tindakan lisan menekankan perihal tentang huruf *hijā'iyah* yang tidak boleh bersambung di bahagian awal, tengah mahupun akhir. Selepas itu, saya menguji bahan bantu yang dibina sama ada ianya berkesan ataupun tidak.

DAPATAN KAJIAN

Murid dapat membezakan huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan. Penggunaan Kit Huruf *Hijā'iyah* Kawan atau Lawan? dapat membantu murid dalam membezakan huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung. Dapatan kajian menunjukkan murid dapat menghafal akrostik yang dibina dengan berpandukan Papan Akrostik sekali gus mengaitkannya dengan huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dan dibantu dengan penggunaan Papan Jadual *Hijā'iyah* yang membantu murid untuk membezakan pengkelasan bagi huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung. Hal ini juga boleh dilihat melalui beberapa kaedah dan menerusi pelbagai instrumen bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi. Berikut merupakan analisis dapatan kajian yang diperolehi dari pelbagai kaedah pengumpulan data seperti pelaksanaan Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan, pemerhatian dan temu bual bersama guru pembimbing.

Analisis Dokumen (Ujian Sebelum Tindakan & Ujian Selepas Tindakan Secara Lisan Serta Lembaran Kerja)

Berdasarkan Ujian Selepas Tindakan 2 secara lisan, murid berjaya menghafal dan mengenal pasti huruf *hijā'iyah* yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung setelah penambahbaikan bahan dilakukan dengan penggunaan kaedah akrostik.

Nama Soalan	Zafri		Haikal		Elna	
	USB	USL	USB	USL	USB	USL
Maksud huruf <i>hijā'iyah</i> yang tidak bersambung	X	/	X	/	X	/
Huruf <i>hijā'iyah</i> yang tidak bersambung	X	X	X	X	X	X

**Petunjuk : USB= Ujian Sebelum Tindakan, USL1= Ujian Selepas Tindakan 1, USL2= Ujian Selepas Tindakan 2.
/= Berjaya, X= Tidak Berjaya

Murid dapat menyebut dan membezakan huruf *hijā'iyah* yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung

Rajah 2. Analisis Hasil Ujian Sebelum Tindakan, Ujian Selepas Tindakan 1 dan Ujian Selepas Tindakan 2 secara Lisan

Rajah 2 menunjukkan analisis hasil Ujian Sebelum Tindakan, Ujian Selepas Tindakan 1 dan Ujian Selepas Tindakan 2 secara lisan. Ternyata mereka tidak berjaya di peringkat awal, namun di peringkat akhir, alhamdulillah mereka memperoleh kejayaan dalam mengenal pasti huruf *hijā'iyah* yang tidak bersambung.

Analisis Pemerhatian (Senarai Semak)

Hasil pemerhatian saya telah saya catat dalam borang senarai semak pemerhatian bagi sebelum tindakan dan semasa serta selepas tindakan dijalankan. Rajah 3 yang berikut menunjukkan analisis senarai semak terhadap pemerhatian masalah penyambungan huruf *hijā'iyah*.

Masalah	Sebelum		Semasa & selepas	
	Ada	Tiada	Ada	Tiada
Penyambungan huruf (perbezaan huruf <i>hijā'iyah</i> bersambung dan tidak bersambung)				
Zafri	/			/
Haikal	/			/
Elina	/			/

Rajah 3. Analisis Senarai Semak Pemerhatian Masalah Penyambungan Huruf *Hijā'iyah*

Rajah 3 jelas menunjukkan perubahan prestasi murid dalam penyambungan huruf huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung di mana sebelum tindakan dijalankan, murid menghadapi masalah dalam tajuk tersebut tetapi pada akhirnya, murid tidak lagi berdepan dengan masalah tersebut.

Analisis Temu bual

Saya juga melaksanakan temu bual bersama guru pembimbing saya untuk membincangkan masalah yang berlaku dalam kalangan murid berkenaan dengan perbezaan huruf *hijā'iyah* yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung. Saya telah menganalisis transkrip temu bual saya bersama beliau yang terkandung di dalam Jadual 1.

Jadual 1

Analisis Transkrip Temu Bual bersama Guru Pembimbing berkaitan Persoalan Kajian 1 tentang Tahap Penguasaan Murid dalam Membezakan Huruf *Hijā'iyah* yang Boleh Bersambung dan Tidak Boleh Bersambung

Masalah	Masa	
	Sebelum	Semasa / Selepas
Adakah murid dapat membezakan huruf <i>hijā'iyah</i> bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan bahan bantu Kit Huruf <i>Hijā'iyah</i> , Kawan atau Lawan?	Ada juga segelintir murid yang masih keliru dengan penyambungan huruf-huruf <i>hijā'iyah</i> ini.	Kaedah akrostik yang ustazah perkenalkan sangat membantu mereka dalam menghafal huruf-huruf tersebut. Saya juga sering mendengar mereka menyebut-nyebut akrostik tersebut.

Selain daripada diri saya sendiri yang nampak akan peningkatan pencapaian murid dalam tajuk ini, guru pembimbing juga turut bersependapat dengan saya. Berdasarkan hasil temu bual, dapat saya ulaskan di sini bahawa guru pembimbing yang juga guru yang mengajar peserta kajian saya menyedari akan peningkatan pencapaian murid dalam tajuk pelajaran ini. Guru pembimbing juga menyatakan bahawa penggunaan kaedah akrostik dapat membantu murid mengenal pasti huruf *hijā'iyah* yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung. Dapat saya simpulkan di sini bahawa bahan bantu ini terutamanya Papan Jadual *Hijā'iyah* dan Papan Akrostik banyak membantu murid dalam membezakan dan mengenal pasti huruf *hijā'iyah* yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung. Hal ini sekali gus dapat menjawab persoalan kajian 1.

Bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*, Kawan atau Lawan? dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dalam kalangan murid. Penggunaan Kit Huruf *Hijā'iyah* Kawan atau Lawan? dapat meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dalam kalangan murid. Gabungan penggunaan kad lipat dan

Papan Panduan Kiraan Lipatan sangat membantu murid dalam menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dengan betul bermula dengan gabungan huruf membentuk suku kata. Hasil lipatan kad lipat yang membentuk suku kata tersebut dapat disalin semula oleh murid di atas ruangan menulis yang disediakan. Proses ini melibatkan kaedah menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung yang juga secara tidak langsung telah meningkatkan kemahiran mereka dalam menguasai penulisan ini. Dapatan kajian menunjukkan murid dapat menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung dengan menggunakan bahan bantu yang telah saya bina ini. Perkara ini juga boleh dilihat melalui beberapa kaedah dan menerusi pelbagai instrumen bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi. Berikut merupakan analisis dapatan kajian yang diperolehi dari pelbagai kaedah pengumpulan data seperti pelaksanaan Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan, pemerhatian dan temu bual bersama guru pembimbing.

Analisis Dokumen (Ujian Sebelum Tindakan & Ujian Selepas Tindakan 1 dan Ujian Selepas Tindakan 2 secara bertulis serta Lembaran Kerja)


Berikut merupakan analisis bagi dapatan kajian yang telah saya lakukan ke atas Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan serta lembaran kerja murid.

Jadual 2

Hasil Markah Ujian Sebelum Tindakan, Ujian Selepas Tindakan 1, Lembaran Kerja dan Ujian Selepas Tindakan 2 Murid secara Bertulis serta Peratusan dan Purata Peningkatan

Nama	Markah				Jumlah peningkatan markah (%)	Purata peningkatan (%)
	Ujian Sebelum Tindakan	Ujian Selepas Tindakan 1	Lembaran Kerja	Ujian Selepas Tindakan 2		
Zafri	0/5 (0%)	5/5 (100%)	5/5 (100%)	5/5 (100%)	100%	60%
Haikal	0/5 (0%)	5/5 (100%)	5/5 (100%)	5/5 (100%)	100%	
Elina	1/5 (20%)	5/5 (100%)	5/5 (100%)	5/5 (100%)	80%	

Soalan yang saya berikan di dalam Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan ini merangkumi lima soalan di mana, pada awal kajian iaitu ketika murid menjawab Ujian Sebelum Tindakan, hanya Elina sahaja yang dapat menjawab satu soalan, manakala Zafri dan Haikal tidak dapat menjawab mana-mana soalan. Walau bagaimanapun, selepas penggunaan bahan bantu yang dibina, pencapaian murid meningkat dengan sangat memuaskan, iaitu 100% markah. Berdasarkan Jadual 2, peratusan peningkatan markah adalah sebanyak 80% ke 100 % dengan purata peningkatan sebanyak 60%.



Rajah 4. Graf Analisis Markah Murid dalam Ujian Sebelum Tindakan, Ujian Selepas Tindakan 1, Lembaran Kerja dan Ujian Selepas Tindakan 2 secara bertulis

Berdasarkan Rajah 4, peningkatan markah murid bagi menjawab soalan dalam penyambungan huruf *hijā'iyah* adalah amat ketara selepas bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan? diperkenalkan dan digunapakai dalam proses tindakan kajian. Seperti yang diketahui, kit ini menekankan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* yang boleh bersambung di mana murid akan menyalin kembali huruf *hijā'iyah* yang terbentuk pada kad lipatan. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan kemahiran murid dalam menulis huruf *hijā'iyah* yang bersambung dengan adanya kewujudan penggunaan bahan bantu kad lipat ini.

Analisis Pemerhatian (Nota Lapangan)

Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan, saya telah mencatat hasil pemerhatian tersebut dalam bentuk nota lapangan. Jadual 3 merupakan jadual catatan nota lapangan sebelum dan semasa serta selepas tindakan kajian dilaksanakan.

Jadual 3

Jadual Catatan Nota Lapangan Sebelum dan Semasa serta Selepas Kajian Tindakan dilakukan.

Aspek	Kemahiran menulis huruf <i>Hijā'iyah</i> yang boleh bersambung	
Masa	Sebelum	Semasa / Selepas
Zafri	Keliru dengan penulisan huruf <i>hijā'iyah</i> bersambung dan tidak bersambung	Kurang keliru dengan penulisan huruf <i>hijā'iyah</i> bersambung dan tidak bersambung
Haikal	Lemah dalam penulisan Jawi terutamanya penulisan huruf Ya (ﻱ) yang bersambung	Tiada lagi masalah penyambungan huruf Ya (ﻱ) dalam kemahiran menulis.
Elina	Prestasi yang agak lemah dan sering tidak menyiapkan kerja sekolah	Prestasi dalam kemahiran menulis huruf <i>hijā'iyah</i> meningkat dan sentiasa bersemangat dalam PdPc.

Berdasarkan catatan nota lapangan yang dicatat selepas saya melakukan pemerhatian ke atas peserta kajian saya, jelaslah bahawa berlakunya peningkatan ke atas murid dalam kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung. Dengan dibantu oleh kit tersebut, tiada lagi masalah keliru dengan huruf-huruf yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung serta penyambungan huruf Ya (ﻱ). Bentuk huruf Ya (ﻱ) yang bersambung juga adalah betul mengikut kaedah penulisan huruf *hijā'iyah* bersambung. Hal ini terbukti bahawa bahan bantu kad lipat ini dapat membantu murid menulis huruf *hijā'iyah*

bersambung dengan betul dengan cara menyalin semula suku kata yang telah terbentuk.

Analisis Temu Bual

Temu bual telah saya laksanakan sebelum dan selepas kajian dilakukan iaitu selepas bahan bantu diperkenalkan dan digunakan dalam PdPc. Saya telah menemu bual guru pembimbing saya untuk mendapatkan maklumat tentang masalah murid. Berikut adalah analisis transkrip temu bual saya bersama beliau.

Jadual 4

Jadual Analisis Transkrip Temu Bual bersama Guru Pembimbing berkaitan Persoalan Kajian 2 tentang Kemahiran Menulis Huruf *Hijā'iyah* yang Boleh Bersambung dan Tidak Boleh Bersambung dalam Kalangan Murid

Masalah	Masa	
	Sebelum	Semasa / Selepas
Kemahiran menulis huruf <i>hijā'iyah</i> bersambung	Ada juga segelintir murid yang masih keliru dengan penyambungan huruf-huruf <i>hijā'iyah</i> ini.	Ada peningkatan terutamanya dalam kemahiran menulis

Merujuk Jadual 4, guru pembimbing sendiri yang menyatakan akan perubahan serta peningkatan murid dalam kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung. Tanpa penggunaan bahan seperti di awal kajian, murid masih keliru dengan penyambungan huruf *hijā'iyah*. Manakala, selepas kajian dilaksanakan, murid kelihatan lebih bersemangat untuk mempelajari Jawi dengan adanya penggunaan kad lipat dalam bahan bantu ini yang mana murid menyalin semula huruf *hijā'iyah* bersambung yang telah terbentuk hasil daripada lipatan kad-kad tersebut. Jelaslah bahawa kit tersebut sangat membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung. Secara keseluruhannya, dengan menggunakan bahan bantu ini, ternyata murid dapat mengenal pasti dan membezakan huruf *hijā'iyah* yang bersambung dan tidak bersambung di samping meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung.

REFLEKSI

Kesan terhadap Peserta Kajian

Kajian ini meninggalkan kesan positif ke atas peserta kajian termasuk diri saya sendiri. Kajian ini memberi peluang kepada saya dalam mengkaji masalah penulisan huruf *hijā'iyah* dalam kalangan murid Tahun 4K di SK Kayangan. Sebelum ini, tidak pernah terlintas di fikiran saya akan wujudnya masalah ini. Kajian ini telah memberikan saya peluang untuk mengkaji masalah ini serta membina bahan bantu yang lebih kreatif yang juga diselitkan unsur inovatif. Setelah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh, akhirnya saya berjaya menghasilkan bahan bantu mengajar yang dapat membantu murid dalam mengenal pasti huruf *hijā'iyah* yang boleh bersambung dan tidak boleh bersambung sekali gus meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan Jawi. Secara tidak langsung, setelah melalui tindakan kajian, terdapat peningkatan prestasi murid dalam tajuk yang dipelajari.

Kesan terhadap Kurikulum

Berdasarkan kurikulum sekolah rendah, pelajaran tajuk huruf *hijā'iyah* bersambung ini merupakan tajuk dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bidang Jawi Tahun 1. Secara tidak langsung, ia merupakan asas pelajaran Jawi yang perlu diberi perhatian sepenuhnya dan diberi pengukuhan kerana ia melibatkan kemahiran membaca dan menulis. Hal ini berkait rapat dengan kepentingan pelajaran Jawi di mana kemahiran ini sepatutnya dikukuhkan semenjak sekolah rendah lagi. Ini adalah bagi mengelak masalah Jawi ini semakin meningkat. Dengan adanya bahan bantu yang telah saya bina, kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan. Penggunaan akrostik dapat membantu murid mengenal pasti huruf *hijā'iyah* yang tidak boleh bersambung. Manakala penggunaan kad lipat dapat membantu murid dalam kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung. Hasil dapatan kajian telah membuktikan keberkesanan bahan bantu yang telah saya bina dalam pelajaran Jawi.

Amalan Sebagai Guru Pendidikan Islam (GPI)

Sebagai seorang GPI, saya harus mempunyai elemen kreatif dan inovatif di dalam diri saya untuk merancang PdPc. Pembinaan bahan bantu membantu saya dalam meningkatkan kreativiti diri di samping inovasi yang telah saya lakukan berdasarkan hasil tinjauan kajian lepas. Saya telah membina bahan bantu Kit Huruf *Hijā'iyah*; Kawan atau Lawan? bagi meningkatkan lagi pengetahuan murid berkenaan tajuk huruf *hijā'iyah* bersambung dan tidak bersambung ini. Bahan utama kit saya iaitu kad lipat dan akrostik telah berjaya dalam membantu murid mengenal pasti dan membezakan huruf *hijā'iyah* tidak boleh bersambung serta meningkatkan kemahiran murid dalam menulis huruf *hijā'iyah* bersambung. Pengalaman ini telah memberi kesedaran kepada saya bahawa sebagai seorang GPI, saya seharusnya menjadi lebih peka akan masalah yang berlaku dalam kalangan murid sebelum ianya menjadi semakin serius. Hal ini juga demi kepentingan para guru, murid serta masyarakat dalam memelihara tulisan Jawi sebagai warisan kita.

Amalan Sebagai Penyelidik

Hasil tinjauan telah memberikan saya gambaran awal untuk membantu menangani masalah peserta kajian. Penggunaan bahan bantu berserta akrostik yang dibina diharap dapat membantu murid dalam meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran Jawi pada masa-masa akan datang. Saya sebagai penyelidik telah mendapat kesedaran tentang kepentingan penyelidikan untuk membantu murid yang bermasalah. Penyelidikan juga penting untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peserta kajian. Kesan positif yang ditunjukkan dapat mempertingkatkan lagi semangat saya untuk terus melaksanakan penyelidikan pada masa hadapan.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Secara keseluruhannya, kajian saya memberi impak positif ke atas prestasi murid dalam mengenal pasti huruf *hijā'iyah* boleh bersambung dan tidak boleh bersambung serta dapat meningkatkan kemahiran menulis huruf *hijā'iyah* bersambung dengan menggunakan bahan bantu yang telah saya bina. Setelah saya berjaya melaksanakan kajian ini, terdapat cadangan penambahbaikan yang boleh diambil kira untuk kajian lanjutan nanti. Adalah lebih menarik sekiranya kajian ini diselitkan unsur-unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) selaras dengan arus pemodenan masa kini. Dengan penggunaan TMK, guru dapat menerangkan dengan lebih jelas tentang tajuk kajian ini. Pelbagai cara yang boleh dikaitkan

dengan unsur TMK ini, contohnya penggunaan aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengan tajuk kajian, penggunaan ilustrasi, animasi dan gambar dalam pembinaan bahan bantu dan sebagainya. Secara tidak langsung, unsur TMK ini dapat menarik minat dan perhatian murid yang sudah kita tahu akan kesebatian elemen TMK ini dalam diri mereka.

RUJUKAN

- Abd. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong. (2003). *Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Kes Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alfie Kohn (2004). *The Schools Our Children Deserve: Inilah Sekolah Idaman Pelajar*. Diterjemah oleh Rosnani Kamaruddin. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Awang Mohamad Amin. (1989). Tulisan Jawi ke Arah Penggunaan yang Lebih Meluas dan Berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa, 33(12), 937-941*
- Biggs J.B & Moore P.J (1993). *The Process of Learning*. Prentice Hall, New Jersey
- Che Siah Che Man. (2006). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Tahun 1 Sekolah Rendah KSSR*.
- Mohd. Herman Hashim. (2014). *Penggunaan Simbol (+) dan (-) dalam meningkatkan Pemahaman Murid Menyambung Huruf اءلءرءكءغ*. Pelaporan Akhir Ijazah Sarjana Muda Perguruan. IPG Kampus Batu Lintang Kuching
- Mok, S.S. (2009). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok, S.S. (2012). *Prinsip Teras Pengajaran dan Pembelajaran 1*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Malaysian Journal of Educators and Education, 22.pp.161-172*
- Noraini Omar (2008). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima*. Jurnal Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak.
- Rosdiana Ramli. (2014). *BAHAN BANTU RODA JAWI (BBR) MENINGKATKAN KEMAHIRAN MURID TAHUN 2 DALAM MENYAMBUNG HURUF-HURUF TUNGKAL JAWI*. Pelaporan Akhir Ijazah Sarjana Muda Perguruan, IPG Kampus Batu Lintang
- Sharifah Nooraida Wan Hasan. (2015). *Pengajaran Pendidikan Hak Wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Woodfolk, A. (1998). *Educational Psychology*. (8th ed.). Boston: Allyn & Bacon